



Ogos 27, 2013

Untuk Siaran Segera

MENYAMBUT KERENCAMAN BAHASA MELAYU

Bulan Bahasa 2013 (Bulan Bahasa Melayu), pada bulan September akan mempamerkan kekayaan, kerencaman dan kepentingan Bahasa Malaysia dengan memberi tumpuan kepada tiga aspek utama bahasa melalui pelbagai program dan aktiviti:

- Bahasa Ilmu (Pengetahuan) – mencerminkan **Minda dan Akal**
- Bahasa Budaya (Kebudayaan) - mencerminkan **Amalan Kehidupan dan peranan bahasa dalam warisan dan budaya Melayu**
- Bahasa Mesra (Hubungan Manusia / Rangkaian) - mencerminkan **Jiwa dan kepentingan Bahasa Melayu dalam membina hubungan yang bermakna**

Perayaan Dua Hari Bermula di Muzium Tamadun Asia **7 hingga 8 September 2013**

Buat pertama kalinya, Bulan Bahasa 2013 akan berganding dengan Muzium Tamadun Asia untuk melancarkan pesta bahasa dan budaya Melayu pada 7 dan 8 September. Bahasa dianggap sebagai lanjutan pada budaya dan penghayatannya. Oleh itu, gandingan ini akan membuka peluang kepada umum untuk mengalami sendiri kemampuan bahasa Melayu yang sentiasa sesuai dalam apa jua keadaan di samping tiga elemen utama yang disampaikan melalui aktiviti-aktiviti yang seronok dan memikat.

Selama dua hari, pelbagai lokasi di seluruh muzium akan menjadi persada semua kegiatan yang berkaitan dengan Bahasa Melayu.

Sorotan Program termasuk:

- Pertandingan Pantun Interaktif
- Malam muzik bersama artis popular Melayu, Art Fazil dan rakan-rakan
- Paparan pergerakan dan senjata persilatan oleh pesilat-pesilat yang mengenakan pakaian tradisional
- Hasilkan sendiri Batik atau Wau anda dan cuba permainan tradisional seperti Gasing.
- Pameran Artifak Purba Kepulauan Melayu



Program seperti ini hanya dapat dilaksanakan atas dasar cinta pada Bahasa Melayu oleh masyarakat sebagai contoh kumpulan masyarakat dan akar umbi seperti Jawatankuasa-jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC), sekolah, kumpulan-kumpulan teater Singapura dan juga individu-individu yang bermurah hati menghulurkan kepakaran dan pengalaman mereka bagi menggalakkan penggunaan Bahasa Melayu.

Penyenaraian program yang lengkap untuk Festival dua hari itu serta Bulan Bahasa Melayu boleh didapati di laman web Bahasa Bulan di <https://mbms.sg>.

Gerbang Bahasa - Kalendar Catatan Peristiwa (diembargo sehingga 30 Ogos 2013)

Bulan Bahasa telah memanfaatkan teknologi terkini untuk menghasilkan satu pintu masuk yang maklumat tentang semua aktiviti yang berkaitan dengan Bahasa Melayu di Singapura dengan kemudahan sentuhan butang.

Gerbang ini akan diperkenalkan pada 30 Ogos ketika taklimat media oleh Menteri Negara Kanan, Masagos Zulkifli.

Duta-duta Bahasa 2013

Setiap tahun sejak 2010, Jawatankuasa Majlis Bahasa Melayu Singapura melantik Duta-duta Bahasa baharu untuk menggalakkan penggunaan Bahasa Melayu serta untuk menyerlahkan kepentingan dalam bahasa itu di kalangan rakyat Singapura.

Pada tahun ini, empat duta baru telah dikenal pasti untuk menjadi juara Bahasa Melayu:

1. Aidli Alin Mosbit – Penulis drama, Pengarah, Pelakon

Berbekalkan ijazah dalam drama dan pengalaman teater, Aidli telah bekerja secara meluas dengan banyak syarikat-syarikat Singapura teater seperti *The Necessary Stage*, *Teater Kami*, *Teater Ekamatra*, untuk menerbitkan drama pentas Melayu yang berkualiti dan popular. Aidli juga meraih beberapa anugerah di atas namanya, termasuk Anugerah Artis Muda untuk Teater pada tahun 2008 di atas sumbangan beliau kepada kesusasteraan Melayu di Singapura.

2. Nurul Aini – Pengacara Selebriti, Pelakon dan Penulis Blog

Nurul ialah wajah yang dikenali ramai di Suria. Beliau melibatkan ibu bapa muda melalui catatan blog beliau yang menyentuh tentang kehidupan dan pengalaman membesarkan kedua-dua anak-anak kecilnya di Singapura. Beliau merupakan contoh yang baik bagi memperlihatkan kepentingan bahasa di tempat kerja dan di persekitaran rumah.



3. Shahril Ishak - Kapten LIONSXII

Sebagai kapten pasukan LIONSXII, Sharil juga memahami peranan penting menjadi contoh yang baik. Beliau ialah seorang pengguna aktif Bahasa dan pengaruh positif beliau ke atas peminat-peminat beliau yang terdiri daripada golongan muda dan keluarga.

4. Siti Zahidah Fadil - Penyanyi Komposer

Dinobatkan sebagai *The Next Big Thing* oleh 987FM pada tahun 2012 dan pemenang Lagu Terbaik Singapura bersama *The Lion Story* pada tahun 2012 di Anugerah Planet Muzik, cinta Siti pada muzik serta bahasa Melayu jelas ditunjukkan. Tidak hairanlah Siti juga seorang siswazah linguistik dan kajian pelbagai bahasa serta jurulatih di KGMS.



Tentang Bulan Bahasa

Bulan Bahasa pertama kali dilancarkan pada tahun 1988 oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura sebagai satu inisiatif untuk menggalakkan masyarakat Melayu menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian mereka. Pengguna bahasa Melayu adalah pewaris dan duta kepada bahasa Melayu dan akan mampu memastikan kelangsungan bahasa menerusi penggunaan berterusan. Dari sebuah acara yang berlangsung sekali setiap dua tahun sebelum 2010, Bulan Bahasa telah menjadi sebuah acara tahunan. Pelbagai kegiatan Bulan Bahasa telah dianjurkan untuk menggalakkan dan memberikan keyakinan dalam dan penguasaan bahasa Melayu.

Untuk maklumat lanjut tentang Majlis Bahasa Melayu Singapura dan Bulan Bahasa sila lungsurilah laman sesawang <http://mbms.sg>.